

Anwar puji kejayaan KPDM PDRM

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) meneruskan usaha membanteras sindiket penyelewengan minyak diesel bersubsidi nelayan.

Perdana Menteri juga memuji komitmen tinggi ditunjukkan kementerian itu dan polis dalam menumpaskan sindiket penyelewengan minyak

diesel bersubsidi nelayan.

“Tahniah KPDM & PDRM! Teruskan banteras, pastikan hak nelayan tidak dirampas petualang!,” katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Terdahulu, KPDM dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya berjaya menyita sejumlah 2.264 juta minyak diesel bersubsidi bernilai RM5.391 juta dalam Ops Tiris sepanjang tempoh 1 Januari hingga Rabu lalu.